

Terma dan Syarat Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™

1. Perkhidmatan perbankan yang dipertingkatkan, ganjaran dan promosi untuk dinikmati oleh pelanggan AFFIN AVANCE™ ("Hak Istimewa AFFIN AVANCE™") disediakan untuk pelanggan yang memenuhi dan mengekalkan kriteria keahlian AFFIN AVANCE™ ("Pelanggan AFFIN AVANCE™ atau Pelanggan") pada setiap masa seperti yang dan disemak dari semasa ke semasa oleh AFFINBANK DAN AFFIN ISLAMIC. ("Kriteria Keahlian").
2. AFFINBANK dan AFFIN ISLAMIC dirujuk sebagai "Bank".
3. Terma dan Syarat Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™ dirujuk sebagai "Terma dan Syarat".
4. Kriteria Keahlian terdiri daripada berikut:
 - 4.1 Pelanggan yang Mempunyai Aset Di Bawah Pengurusan ["AUM"], yang ditakrifkan dalam klausa 7 di bawah, berjumlah RM50,000 atau lebih dengan Bank, atau
 - 4.2 Pelanggan yang mempunyai pendapatan gaji bulanan RM7,000.00, **atau**
 - 4.3 Pelanggan yang mempunyai ahli profesional gabungan.
5. Pelanggan AFFIN AVANCE™ dikehendaki memiliki reputasi baik dan tidak ingkar atau tidak melanggar mana-mana perjanjian mereka dengan Bank.
6. Bank berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk mendaftar pendaftaran AFFIN AVANCE™ tanpa memberikan sebarang alasan dan menanggung sebarang tanggungjawab kepada pelanggan.
7. Penamatan Pelanggan AFFIN AVANCE™:
 - 7.1 Dalam kes Pelanggan Bersama AFFIN AVANCE™, mana-mana daripada mereka boleh menamatkan keahlian AFFIN AVANCE™ dengan mengemukakan notis bertulis kepada pihak Bank.
 - 7.2 Semua Hak Istimewa Pelanggan AFFIN AVANCE™ yang diberikan kepada Pelanggan AFFIN AVANCE™ akan ditamatkan serta-merta apabila berlakunya kematian atau kebangkrutan. Untuk Pelanggan AFFIN AVANCE™ Bersama, Bank boleh mengikut budi bicaranya untuk menamatkan atau meneruskan semua Hak Istimewa AFFIN AVANCE™ kepada Pelanggan AFFIN AVANCE™ yang masih ada.
 - 7.3 Bank mempunyai hak untuk menamatkan, membatalkan, menurunkan taraf atau menggantung Pelanggan AFFIN AVANCE™ setelah memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan sebelum tarikh pelaksanaan.
 - 7.4 Keahlian Pelanggan akan ditamatkan sekiranya tidak mematuhi syarat kelayakan kriteria Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™. Pelanggan tidak layak menikmati Hak Istimewa AFFIN AVANCE™ setelah penamatan keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™.
 - 7.5 Pelanggan dikehendaki menamatkan Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™ jika ingin dinaik taraf sebagai Pelanggan AFFIN INVIKTA™. Pelanggan tidak berhak menikmati kedua-dua AFFIN AVANCE™ dan AFFIN INVIKTA™ yang ditawarkan oleh Bank pada masa yang sama.

- 7.6 Setelah penamatan Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™, Bank berhak menutup akaun Pelanggan, menamatkan perkhidmatan dan menghentikan Hak Istimewa AFFIN AVANCE™ yang ditawarkan kepada Pelanggan AFFIN AVANCE™ menurut terma dan syarat sedia ada dan peraturan dan undang-undang yang mengatur akaun masing-masing dan perkhidmatan.
- 7.7 Pelanggan yang ingin meneruskan keahlian setelah pembatalan atau penamatan Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™ diminta untuk menghantar borang permohonan AFFIN AVANCE™ yang baharu dan sebarang kos tambahan yang dikenakan untuk pengeluaran kad debit/kad debit-i baru dan kos lain yang berkaitan dengan permohonan semula hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.
- 8 AUM didefinisikan sebagai pegangan mana-mana produk atau gabungan produk Konvensional yang ditawarkan oleh AFFINBANK dan produk islamik yang ditawarkan oleh AFFIN ISLAMIC di bawah kategori yang sama seperti yang dinyatakan dalam Jadual (1) di bawah:

Jadual (1)

Produk-produk		Pengiraan AUM
AFFINBANK Konvensional	AFFIN ISLAMIC Islamik	
Produk-produk Simpanan	Produk-produk Simpanan-i	AUM berdasarkan baki pada penghujung hari
Produk-produk Pelaburan	Produk-produk Pelaburan Patuh Syariah	AUM berdasarkan jumlah pelaburan
Produk-produk Insurans	Produk-produk Takaful	AUM berdasarkan premium tahunan atau sumbangan bulanan tahun pertama

- 9 Bayaran dan Caj:
- 9.1 Tidak ada bayaran atau caj keahlian semasa mendaftar AFFIN AVANCE™. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk mengenakan bayaran, caj, atau pungutan lain pada mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan setelah memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan sebelum tarikh pelaksanaan. Bayaran, caj dan pungutan yang dijelaskan oleh Pelanggan atau ditolak dari akaun Pelanggan tidak akan dikembalikan.
- 9.2 Semua produk sertaan AFFIN AVANCE™ adalah tertakluk kepada yuran dan caj seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat bagi setiap produk itu sendiri.
- 9.3 Pelanggan dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk debit mana-mana akaun Pelanggan bagi bayaran, caj atau pungutan tersebut dari semasa ke semasa dan jika tidak ada akaun yang ditetapkan untuk tujuan ini atau jika akaun yang ditetapkan mempunyai dana yang tidak mencukupi, Bank dengan ini diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mendebit sebarang akaun lain yang dimiliki oleh Pelanggan untuk tujuan ini dengan pemberitahuan terlebih dahulu atau dengan persetujuan Pelanggan.

- 10 Pertukaran Alamat:
 - 10.1 Pelanggan AFFIN AVANCE™ perlu memaklumkan Bank secara bertulis dengan segera mengenai perubahan alamat.
 - 10.2 Sebagai tambahan, Pelanggan AFFIN AVANCE™ juga perlu memberitahu memaklumkan Bank secara bertulis bertulis dengan segera mengenai perubahan alamat pekerjaan dan/atau alamat pejabat mereka sekarang. dengan segera.
- 11 Pelanggan AFFIN AVANCE™ akan menanggung rugi sepenuhnya Bank terhadap semua kos dan perbelanjaan (termasuk yuran undang-undang berdasarkan ganti rugi) yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan Terma dan Syarat ini dan pemulihan mana-mana jumlah yang perlu dibayar kepada Bank atau ditanggung oleh Bank terhadap sebarang prosiding undang-undang dalam apa bentuk sekalipun. Sekiranya Pelanggan AFFIN AVANCE™ terdiri daripada dua atau lebih pelanggan, mereka hendaklah menanggung rugi bersama dan berasingan untuk sebarang liabiliti yang timbul di sini.
- 12 Tiada toleransi, pengabaian atau pelepasan oleh Bank dalam menguatkuasakan mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menjejaskan hak Bank untuk terus menguatkuasa dengan tegas.
- 13 Bank mengikut budi bicaranya boleh menambah atau memadam Terma dan Syarat di sini setelah memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan AFFIN AVANCE™.
- 14 Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 15 Bank tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai tanggungan dan tidak akan menerima apa-apa bentuk liabiliti sama sekali dan walau apa pun yang timbul atau dialami oleh pelanggan secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan daripada penyertaan pelanggan sebagai ahli (kecuali kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kecuaiian, penipuan atau salah laku Bank)
:-
 - i) akibat daripada sebarang transaksi tidak sah yang dilakukan pada akaun anda sebelum Bank mempunyai notis bertulis yang sama atau sebelum Bank dapat mencegah transaksi yang tidak sah tersebut daripada dijalankan; atau
 - ii) sekiranya Bank tidak dapat menjalankan apa-apa operasi atau memperuntukkan apa-apa perkhidmatan atas sebab-sebab yang di luar kawalan Bank termasuklah tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, wabak, bencana alam atau kudrat Tuhan, kemalangan, rusuhan, gangguan sivil, perselisihan industri, tindakan musuh awam, embargo, perang, bekalan bahan api atau apa-apa jua faktor atau bentuk kuasa yang di luar kawalan Bank, dan sekiranya Bank didapati bertanggungjawab, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank untuk permintaan, tuntutan atau tindakan tersebut adalah tidak melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan itu.

Pengisytiharan:

Saya secara sukarela telah memberikan data peribadi saya kepada Bank dan memberikan persetujuan kepada Bank memproses data peribadi saya untuk menilai permohonan saya sebagai Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™. Saya telah membaca Dasar Privasi Bank yang terdapat di www.affinbank.com.my / www.affinislamic.com.my dan mengesahkan bahawa saya telah diberitahu mengenai perkara-perkara berikut melalui Dasar Privasi (i) Bank boleh mengumpulkan data peribadi saya secara langsung daripada saya atau daripada sumber pihak ketiga; (ii) tujuan pengumpulan data peribadi saya; (iii) hak saya untuk mengakses data peribadi saya dan membetulkannya; (iv) kelas pihak ketiga kepada siapa Bank boleh mendedahkan data peribadi saya; (v) pilihan dan kaedah untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi saya; (vi) sama ada data peribadi yang diminta adalah wajib atau sukarela, dan jika wajib, akibat daripada tidak memberikan data tersebut; (vii) untuk mengemas kini data peribadi saya sebaik sahaja ada perubahan; dan (viii) Maklumat hubungan Bank jika saya ingin membuat pertanyaan atau memberi maklum balas. Saya seterusnya bersetuju bahawa saya akan melayari Dasar Privasi Bank dan laman web Bank www.affinbank.com.my / www.affinislamic.com.my untuk sebarang kemas kini Terma dan Syarat dari semasa ke semasa.

Saya memberi persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi saya untuk tujuan pemasaran langsung produk dan perkhidmatan Bank. Saya pada bila-bila masa boleh menarik balik kebenaran untuk pemasaran langsung produk atau perkhidmatan tersebut.

Perjanjian:

Saya telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang mengatur Keahlian Perbankan AFFIN AVANCE™. Sekiranya terdapat Terma dan Syarat yang tidak saya fahami, saya akan berbincang lebih lanjut dengan kakitangan, wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah. Saya bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di atas dan terma dan syarat lain yang mungkin dipinda oleh Bank dari semasa ke semasa.

.....
Nama Pelanggan:

No KP:

Tarikh: